

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16 APRIL 2016

Harapan tinggi kepada Malaysia

BH-16/4/2016

Tuan Mohamad Asri
Tuan Hussein

bhnews@bh.com.my

ISTANBUL, TURKI



» Sidang harum profil negara dalam kalangan anggota OIC

Kepemimpinan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan negara anggotanya meletakkan harapan tinggi dan mengharapkan sumbangan Malaysia untuk memastikan keberkesanan peranan pertubuhan itu dalam menangani cabaran dunia Islam masa kini.

Penyertaan dalam Sidang Kemuncak OIC Ke-13 yang berakhir di sini, semalam juga secara keseluruhannya berjaya menaikkan profil Malaysia

dalam memberi sumbangan kepada OIC.

Ia rumusan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak selepas mengharungi jadual padat sepanjang dua hari menghadiri sidang kemuncak kali ini yang turut dipenuhi dengan enam perbincangan dua hala, selain majlis makan malam rasmi.

Katanya, secara keseluruhan, Malaysia dihormati dan dianggap anggota penting dalam OIC untuk menyumbang peranan menangani pelbagai cabaran dihadapi negara anggota serta umat Islam.

Sumbangan Malaysia penting

Beliau berkata, perkara itu disuarakan ketika pertemuan dengan Setiausaha Agung OIC, Iyad Ameen Madani; Presiden Turki yang juga Pengerusi OIC, Recep Tayyep Erdogan serta Perdana Menteri, Ahmet Davutoglu.

“Kita dapat menaikkan profil Malaysia dalam konteks pe-

ranan kita dalam OIC. Apabila saya berbincang dengan Setiausaha Agung OIC, Erdogan dan Perdana Menteri Turki serta pemimpin lain, mereka meletakkan harapan tinggi kepada Malaysia untuk membantu sekretariat OIC dan Turki dalam menghadapi cabaran da-

“**Mereka meletakkan harapan tinggi kepada Malaysia untuk membantu sekretariat OIC dan Turki dalam menghadapi cabaran dalam OIC serta dunia Islam**”

Najib Razak,
Perdana Menteri

lam OIC serta dunia Islam keseluruhannya,” katanya kepada wartawan Malaysia di akhir misi di Istanbul.

Perdana Menteri berkata, kewibawaan Malaysia pada peringkat dunia Islam, termasuk dalam aspek ekonomi terbukti apabila beliau menerima banyak permohonan diadakan pertemuan hingga tidak dapat memenuhi kesemuanya.

Kata Najib, tema sidang kemuncak kali ini yang menekankan pentingnya perpaduan dalam kalangan dunia Islam bagi menghadapi pelbagai cabaran ummah, amat kena pada tempat dan masanya.

Tindakan susulan

Beliau berkata, harapan Malaysia ialah pada masa akan datang, ketegangan dalam dunia Islam dapat dikendalikan.

“Sekiranya kita berpegang kepada (tema) Sidang Kemuncak OIC Ke-13 ini, penting bagi kita untuk memastikan ia jangan berakhir di sini sahaja, tetapi (perlu ada) tindakan susulan sewajarnya yang berpaksi kepada tema persidangan,” katanya.

Di luar persidangan, selain pemimpin Turki, Najib mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Guinea, Alpha Conde; Perdana Menteri Lubnan, Tammam Salam; Perdana Menteri Libya, Faiez Mustafa Serrag; dan Menteri Luar Arab Saudi, Adel al-Jubeir.